

METODE *DOUBLE INVESTIGATION* DALAM KRITIKAN MERNISSI TERHADAP RIWAYAT IBN UMAR: ANALISIS TERHADAP HADIS WANITA PUNCA KETIDAKBERUNTUNGAN

Mohd Norzi bin Nasir
mohdnorzi@kuis.edu.my

Abstrak

Dalam bidang kajian kritik kontemporari terhadap hadis, Fatima Mernissi merupakan antara sarjana penyelidik feminis yang telah mempelopori kajian kritis terhadap sanad dan matan. Metode double investigation yang digunakan dikatakan telah membuka satu dimensi baru dalam kaedah memahami sanad dan matan hadis. Salah satu kritiknya yang agak popular adalah keraguan terhadap riwayat Ibn Umar r.a. Kajian ini meneliti kritikan Mernissi terhadap riwayat Ibn Umar r.a berhubung sabda Rasulullah s.a.w, "Wanita Punca Ketidakberuntungan" dalam bukunya "Women and Islam. An Historical and Theological Enquiry". Kajian ini juga menilai ruang penilaian semula terhadap sisi kritikan yang dilontarkan oleh Mernissi. Kajian ini adalah kajian kepustakaan iaitu merujuk kepada teks-teks berhubung subjek perbincangan dan dinilai berdasarkan pandangan sarjana-sarjana Islam. Dapatan kajian mengesahkan bahawa terdapat ruang penilaian semula terhadap kritikan dan kesimpulan yang dinyatakan oleh Mernissi berhubung hadis wanita punca ketidakberuntungan yang diriwayatkan oleh Ibn Umar r.a.

Keywords: Metode, Double Investigation, Mernissi, kritik, Sanad, Matan, Hadis.

Pendahuluan

Sebagai novelis dan sosiolog Maghribi, kelibat Fatima Mernissi tidak asing di kalangan pejuang feminisme Muslim di dunia Islam. Beliau merupakan di antara perintis aktivis feminisme Muslim terawal selain Amina Wadud, Nawal al-Sa^cdawi yang memperjuangkan kesetaraan hak antara kaum lelaki dan wanita melalui kajian teks-teks hadis Rasulullah s.a.w.

Fatima Mernissi dan Kota Fez

Mernissi lahir di sebuah *harem* di kota Fez Maghribi pada tahun 1940M. Kata *harem* adalah variasi kecil dari kata haram iaitu yang dilarang, lawan dari kata halal iaitu yang dibolehkan. *Harem* adalah tempat di dalamnya seorang lelaki melindungi keluarganya yang terdiri dari seorang atau beberapa isteri, anak-anak dan saudara-saudara wanita. Harem juga merujuk kepada rumah yang menunjukkan tempat dan orang yang tinggal di dalamnya. (Ahmad Baiquni:1999),

Kota Fez dibangunkan melalui dua cara yang berbeza dengan kombinasi dua wilayah masing-masing berkedudukan di sisi sungai kecil. Salah satu wilayah menempatkan makam Maula Idris pengasas kota Fez. Berdekatan dengan makam pula tersergam Masjid Agung Qurawiyyin hasil binaan dinasti Murabitun suatu ketika dahulu yang mendapat persetujuan jurutera Andalusia dilengkapi dengan sekolah-sekolah bantuan. (Wilaela: 2005)

Mernissi melalui tiga fasa kehidupan iaitu sewaktu zaman kanak-kanak, remaja, dan dewasa. Sejak kecil, Mernissi berperang dengan pergelutan pemikiran dan selalu melontarkan pertanyaan liar dalam hal yang melibatkan batas antara lelaki dan perempuan. Ayah Mernissi telah menanamkan ajaran bahawa Allah s.w.t telah memisahkan lelaki dan perempuan sejak menciptakan langit dan bumi, dan meletakkan lautan perbezaan antara Muslim dan

Kristian. Kedamaian hanya akan wujud seandainya masing-masing menghormati batas-batas di antara satu dengan yang lain".(Tamyiz Burhan al-Dīn: t.th)

Mernissi berfikir sekiranya wujud jurang atau batasan antara perempuan dan lelaki, kenapa perempuan yang harus dibatasi? Setelah menginjak dewasa dan mencapai tahap keserjaan dalam pendidikan beliau giat melakukan kajian terhadap teks-teks keagamaan terutama dalam kajian hadis. Menurut Mernissi tidak ada halangan baginya sebagai seorang feminis Muslim untuk melakukan kajian secara historis dan metodologis mengenai hadisan perawinya, bagaimana pertama kali hadith ini diucapkan, siapa yang mengucapkannya, di mana, bila, mengapa dan kepada siapa hadith itu diucapkan? (Fatima Mernissi: 1991)

Hadis Wanita Punca Ketidakberuntungan

Al-Imam al-Bukhari telah mengeluarkan sebuah hadis dalam kitab sahihnya dengan *sanad* dan *matan* sebagaimana berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي سَالِمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَقُولُ « إِنَّمَا الشُّؤْمُ فِي ثَلَاثَةٍ فِي الْفَرَسِ وَالْمَرْأَةِ وَالذَّارِ »

Maksudnya:

Telah berkata al-Bukhari Abu al-Yaman telah memberitahu kami, Shu^{ayb} telah memberitahu kami dari al-Zuhri telah berkata: Salim bin ^{Abdullah} memberitahuku bahawa ^{Abdullah} bin ^{Umar} telah berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda," Sesungguhnya sumber ketidakberuntungan itu disebabkan tiga hal iaitu kuda, wanita dan rumah".

Takhrij Hadis

al-Bukhari, Muhammad bin Isma^{il} al-Ju^{fi}, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Ma Yuzkar Min Shu'm al-Mar'ah, hadis 2703, jil 3 hlm. 1049. Hadis di atas turut diriwayatkan oleh Ibn ^{Umar} dalam Bab Ma Yattaqi min Syu'm al-Mar'ah wa Qawluhu Ta^{ala}: Inna min Azwajikum wa Awwadikum Aduwwan Lakum, hadis 4805, 4806 dan melalui riwayat Sahl bin Sa^d hadis 4807 jil. 5 hlm. 1959.

Analisa Sanad

Dari segi *riwayah* para perawi hadis yang dikemukakan oleh al-Imam al-Bukhari di atas seperti Abu al-Yaman al-Hakam, Shu^{ayb}, al-Zuhri, Salim dan Ibn ^{Umar} adalah *thiqah* dan terjamin keaslian mereka dalam meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w. Justeru *sanad* hadis di atas dihukum sebagai *sahih*. Selain al-Imam al-Bukhari, hadis di atas turut dikeluarkan oleh beberapa *mukharrij* hadis seperti berikut:

1. Muslim, *Sahih Muslim*, bab al-tiyarah wa al-fa'l ma yakunu fih min al-shu'm, hadis 2225, 2226 dan 2227, jil 4, hlm. 1746, 1747, 1748.

2. Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab Ra'ah, Bab fi al-tiyarah, hadis 3922, Dar Fikr, t.th, jil. 4, hlm. 19.
3. al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-Adab, Bab ma ja'a fi al-shu'm, hadis 2824, jil 5, hlm. 126
4. Ibn Majah, al-Qazwini, Muhammad bin Yazid, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Nikah, Bab ma yakunu fi al-yumn wa al-shu'm, hadis 1995, jil. 1, hlm. 642.
5. al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'ayb, *Sunan Nasa'ie*, Kitab al-khayl, Bab shu'm al-khayl, hadis 3568, 3569, Halb: Maktabat al-Matbu'ah al-Islamiyyah, t.th, jil. 6, hlm. 660.
6. Malik, Malik bin Anas al-Ashba'i, *Muwatta'*, Kitab al-isti'dhan, Bab ma yattaqi min al-shu'm, hadis 1750, Misr: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.th, jil 2, hlm. 972.
7. Ahmad, Ahmad bin Hanbal al-Qushayri, *Musnad Ahmad*, musnad 'Abdullah bin 'Umar, hadis 4544, 4927, Misr: Mu'assat Qurtubah, t.th, jil. 2, hlm. 8.

Analisa Matn dan Pemahaman Hadis

Mengenai *matn* hadis di atas, 'Abd al-Rahman al-Suhaym mengatakan bahawa dalam *matn* hadis ini terdapat perkataan *al-shu'm* yang merupakan kata terbitan (*masdar*). Jelas dapat difahami bahawa pernyataan baginda s.a.w adalah jika seandainya wujud ketidakberuntungan maka kebarangkaliannya adalah disebabkan wanita, tunggangan dan rumah. Justeru tidak ada sudut atau ruang untuk memahami bahawa ketiga-tiga hal di atas sebagai penyebab utama ketidakberuntungan secara mutlak.

Baginda s.a.w menikahi para wanita, mendirikan rumah sebagai tempat tinggal dan menunggang tunggangan ketika keluar bermusafir. Dakwaan bahawa ketiga-tiga hal di atas merupakan penyebab mutlak ketidakberuntungan tertolak oleh hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Ibn Hibban dalam kitab *sahihnya* dan juga al-Imam al-Hakim dalam kitab al-Mustadraknya. ('Abd al-Rahman al-Suhaym, *Tawliyah al-mar'ah li al-manasib*, atas talian <http://www.saaaid.net/Doat/assuhaim/n/6.htm> , Atas talian: 15/8/1425H).

Matn hadis di atas walaupun datang dengan kepelbagaian bentuk riwayat oleh para perawi dan *mukharrij* hadis, namun ia tetap menunjukkan atau mempunyai persamaan dengan setiap *matan* hadis Rasulullah s.a.w. Pengertian hadis secara tekstual menunjukkan tidak berlaku pertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah dan hujah akal kerana hadis ini menerangkan amalan praktik masyarakat Jahiliah yang suka bertenung nasib dengan menggunakan kuda, wanita dan rumah. Perbezaan *matan* hadis tentang الشوم tidak merubah maksud dan tujuan hadis.

Ibn Hajar mengatakan Ibn al-'Arabi berpendapat bahawa penyebutan tiga hal pada hadis di atas hanyalah adat atau kebiasaan yang berlaku dan bukan penciptaan mereka sebagai pembawa kesialan. Ibn Qutaybah mengatakan bahawa kaum Jahiliah suka membuat ramalan dan bertenung nasib. Hal sedemikian dilarang pada zaman Rasulullah s.a.w namun di kalangan orang-orang Jahiliah terdapat mereka yang enggan meninggalkan amalan khurafat tersebut sehingga tiga hal di atas masih wujud dalam kehidupan mereka untuk digunakan dalam amalan menenung nasib. Berbeza dengan pendapat Ibn al-'Arabi, al-

Qurtubi berpendapat bahawa musibah yang menimpa manusia sering diakibatkan oleh tiga hal di atas. (Ibn Hajar: 1958)

Al-shu'm dalam riwayat hadis adalah merujuk kepada ketidakberuntungan yang dilakukan pada zaman Jahiliah dan perkara ini menurut al-shaykh al-Albani dihilangkan setelah kedatangan agama Islam kerana dalam agama Islam tidak ada kesialan seperti yang dilakukan zaman Jahiliah. (al-Albani: 2002).

Pendapat yang serupa turut diketengahkan oleh Mohd Baltaji bahawa gambaran yang dikisahkan oleh baginda s.a.w adalah berkenaan dengan perbuatan orang-orang Jahiliah. Justeru perkara-perkara jahiliah terdahulu telah dibatalkan, dan Islam tidak mengenal *al-shu'm* dan *al-tatayyur*. Seorang muslim mestilah bersih daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan aqidah terhadap Allah s.w.t. (Mohd Baltaji: 2003)

Menurut Ibn Hajar al-^cAsqalani, maksud daripada *al-shu'm* dalam hadis bukan berdasarkan tekstual zahirnya, tetapi maksudnya adalah kebarangkalian ketidaksesuaian ketiga-tiga hal tersebut pada seseorang. Apabila dikatakan ketidakberuntungan rumah maka ia bermaksud sempitnya rumah itu atau kejahatan jiran-jirannya. Ketidakberuntungan perempuan bermaksud kerana ia tidak dapat memiliki anak atau lidahnya yang tajam menyakitkan hati dan keinginannya terhadap perkara-perkara yang meragukan dan tidak berfaedah. Ketidakberuntungan kuda bermakna ia tidak dapat digunakan dalam peperangan atau ketidaktaatannya atau berkemungkinan harganya yang mahal. Adapun ketidakberuntungan pembantu adalah keburukan akhlakunya dan kecuaiannya terhadap tanggungjawab yang diserahkan kepadanya. (Ibn Hajar: 1958)

Ketidakberuntungan atau sial kerana tiga hal di atas merupakan hikmah yang diberikan oleh Allah agar manusia melakukan perkara yang lebih baik. Menurut fatwa Shaykh Muhammad bin Salih al-Uthaymin, "...berkemungkinan sejumlah tempat tinggal, kenderaan, atau isteri dianggap mendatangkan sial. Tersirat hikmah Allah menjadikan kesialan itu berpunca dari tiga hal tersebut. Mungkin ia berupa bahaya atau tidak ada manfaat yang diperolehi daripadanya. Seandainya seseorang mengalami hal sedemikian maka hendaklah ia menyedari bahawa semuanya terjadi kerana takdir Allah s.w.t. Tambahan beliau, *tasha'um* adalah perasaan atau keyakinan akan ditimpa suatu musibah disebabkan oleh sesuatu hal yang dilihat, didengar, atau kerana waktu. Orang-orang Jahiliah beranggapan jika melangsungkan perkahwinan pada bulan Shawal maka mereka akan mendapat sial. Menurut al-Uthaymin, *tasha'um* tidak dibolehkan kerana ia akan menumbuhkan sikap buruk sangka kepada Allah, akibatnya pelaku enggan melakukan hal-hal yang sebenarnya akan mendatangkan kebaikan baginya. Segala urusannya dibayangi oleh rasa bimbang dan hal ini hanya akan mendatangkan sikap was-was pada akhirnya menimbulkan penyakit jiwa. Justeru, Rasulullah s.a.w melarangnya". (*Majalah fatwa*, vol II / No.10 , Pustaka at-Turāth, Yayasan Majlis al-Turāth al-Islami, Ogos 2006, hlm. 10-11).

Rasulullah s.a.w menjelaskan bahawa di dalam Islam tiada sebarang perkara yang membawa ketidakberuntungan sama ada dalam bentuk *tashaum* ataupun *tafaul*. Rasulullah S.A.W menggalakkan umatnya memberi nama dengan nama yang baik dan indah serta mengandungi makna kegembiraan, kerana ia akan melahirkan perasaan gembira, keredhaan bagi yang mendengarnya, Islam sentiasa memberi amaran untuk merubah nama-nama yang munkar (tidak baik) kepada nama yang baik kerana ia mempunyai kesan dari segi pendidikan

yang sangat penting dalam membentuk keperibadian seorang muslim dan masyarakat muslim secara umum.

Justeru, hadis mengenai *al-shu'm* melalui riwayat di atas tidak membenarkan dakwaan Mernissi sebagai *misoginis*. Ketidakberuntungan yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadis bukan semata-mata mutlak disebabkan oleh rumah, kenderaan, atau wanita. Semuanya merupakan hikmah yang Allah ciptakan demi kebaikan manusia itu sendiri.

Hal ini berbeza dengan unsur sial atau ketidakberuntungan yang dipercayai oleh kepercayaan orang kafir yang didasarkan pada keyakinan syirik sehingga taracara yang dilakukan untuk “membuang” kesialan penuh sarat dengan kesyirikan. Ketidakberuntungan pada ketiga hal tersebut, menurut akidah Islam, dapat dihindari dengan menjual barang, berpisah secara aman dengan isteri, atau melalui *ruqyah*. Keyakinan bahawa sebahagian manusia mampu menolak bala dan membuang sial sewajarnya ditolak kerana ia hanya akan membenamkan orang-orang Islam dalam lumpur kesyirikan.

Peringatan dari sabda Rasulullah s.a.w menerusi hadis di atas juga adalah dalam rangka menerangkan beberapa asas utama dalam kehidupan seseorang agar sentiasa mengambil tahu peri pentingnya asas-asas tersebut dalam mengharungi perjalanan sebuah kehidupan. Seandainya asas-asas ini telah dibina dan diambil kira maka seseorang individu akan menikmati kebahagiaan.

Hadis-hadis di atas turut memuatkan satu pengajaran penting iaitu Islam tidak memandang hina terhadap urusan-urusan duniawi. Islam memberi perhatian kepadanya dan menyuruh umatnya mencari yang terbaik agar hidup mereka di dunia ini bahagia dan selesa. Islam mendahului dengan mengenal pasti beberapa asas yang penting dalam kehidupan dan menyuruh umatnya berusaha demi mencapai yang terbaik dalam asas-asas tersebut asalkan tidak melampaui batas atau sehingga berlaku pembaziran.

Sanggahan ke atas Mernissi.

Mengamati cara kajian Mernissi tentang hadis di atas membuktikan bahawa beliau tidak mengaplikasikan metode *double investigation* yang dijadikan sandaran oleh beliau dalam meneliti *sanad* dan *matn* sesebuah hadis malah beliau sendiri terperangkap dalam kajian nas-nas keagamaan yang beliau temui tetapi tidak difahami secara tepat.

Hal ini sebagaimana berikut:

Pertama, riwayat al-Bukhari yang dikritik oleh Mernissi diletakkan oleh al-Imam al-Bukhari dalam sebuah bab yang bertajuk, "*Bab Ma Yuttaqa min Shu'm al-Mar'ah wa Qawluhu Ta'ala, 'Inna min Azwajikum wa Awwadikum Aduwwan Lakum'*". Mernissi seterusnya tidak membaca tajuk bab yang di tulis al-Imam al-Bukhari dan tidak memahami maksud *min* dalam ayat yang menunjukkan makna sebahagian sehingga mendakwa hadis tersebut sebagai *misoginis*. Ibn Hajar menjelaskan pengertian tajuk di atas bahawa pertama, hal yang mengakibatkan bencana hanya berlaku pada sebahagian wanita dan tidak pada keseluruhannya sebagaimana dapat difahami dari firman Allah melalui ayat al-Qur'an yang dipetik oleh al-Imam al-Bukhari sebagai tajuk bab dalam *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-jihad, diriwayatkan oleh Ibn 'Umar, Bab ma yuttaqa min syu'm al-mar'ah wa qawluhu Ta'ala: inna

min azwajikum wa awladikum aduwwan lakum, hadis 4805, 4806 dan melalui riwayat Sahl bin Sa'd hadis 4807 jil. 5 hlm. 1959.

Kedua, hadis tersebut turut dinyatakan oleh hadis *sahih* dan marfu^c riwayat para mukharrij berikut:

1. Ahmad, Ahmad bin Hanbal al-Qushayri, *Musnad Ahmad*, Musnad ^cAbdullah bin ^cUmar, hadis Nafi^c bin ^cAbd al-Hars, jil. 3, hlm. 407. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "...Di antara kebahagiaan seseorang ialah jiran yang salih, tanggungan yang baik dan tempat tinggal yang selesa.
2. Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban al-Busti, *Sahih Ibn Hibban*, kitab al-Nikah, hadis 4032, Bayrut: Mu'assasat al-Risalah, 1993, cet. 2, jil. 9, hlm. 340. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "..Di antara hal yang akan memberikan kebahagiaan kepada anak cucu Adam ialah tiga perkara iaitu: wanita yang salihah, tempat tinggal yang selesa dan tanggungan yang baik. Manakala hal yang memberikan kecelakaan kepada anak cucu Adam ialah tiga perkara iaitu: wanita yang jahat, tempat tinggal yang buruk dan tanggungan yang teruk.
3. al-Hakim, Muhammad bin ^cAbdullah, *al-Mustadrak ^cala al-sahihayn*, Kitab al-birr wa al-silah, hadis 7306, Bayrut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah, 1990, jil. 4, hlm. 184. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "...Di antara kebahagiaan seseorang ialah jiran yang salih, tempat tinggal yang selesa dan tanggungan yang baik.

Ketiga, melalui pernyataan Taqi al-Din al-Subki yang dinukil Ibn Hajar bahawa pemilihan al-Bukhari terhadap hadis dan perletakkannya di dalam bab ini menunjukkan hadis yang dimaksudkan tidak secara mutlak menunjukkan bahawa kaum wanita sebagai penyebab bencana melainkan hanya kepada wanita yang bersifat jahat dimana menjadi penggerak (mobiliti) sehingga berlaku fitnah dan permusuhan. Barangsiapa yang beranggapan bahawa tiga hal di atas membawa sial sesungguhnya dia amat jahil dalam memahami hadis di atas. (Ibn Hajar: 1958)

Berkenaan kritikan ^cA'ishah bahawa Abu Hurayrah tidak mendengar hadis secara tepat dari Rasulullah telah dinukil oleh Mernissi dari kitab *al-Ijabah* oleh al-Imam al-Zarkashi. (Mernissi: 1991) Menurut (Mansour Fakih: 1996) dalam kitab *al-Ijabah* al-Imam al-Zarkashi menyatakan bahawa terdapat keraguan terhadap sumber informasi iaitu Makhul yang meriwayatkan secara langsung dari ^cA'ishah. Sedangkan seperti yang dinyatakan oleh Ibn Abi Hatim dalam kitab *al-Marasil*, pertama, Makhul tidak mendengar hadis tersebut secara langsung dari para sahabat kecuali dari Anas bin Malik. (Ibn Abi Hatim: t.th) Justeru riwayat ^cA'ishah melalui kajian hadis di hukum *mursal* kerana terputusnya *sanad* sebelum sampai kepada sahabat.

Kedua, kecacatan dari hadis riwayat ^cA'ishah ini tampak lebih jelas melalui cara al-Imam al-Zarkashi menukilkan riwayat ini dengan *sighah tamrid* iaitu *qila li ^cA'ishah*. Apa yang ingin ditegaskan di sini adalah Mernissi telah memotong teks al-Imam al-Zarkashi di atas dan tidak mendatangkan pembetulan terhadap riwayat ^cA'ishah ditakuti akan memerangkap hujahnya sendiri. Selain al-Imam al-Zarkashi, al-Tahawi turut menyatakan riwayat Makhul dari ^cA'ishah dengan menggunakan *sighah Qila* (*Qila li ^cA'ishah Anna Aba Hurayrah.....*). (al-Baqi:1990).

Dalam kitab *fath al-bari* Ibn Hajar mengupas kritikan ʿAʿishah terhadap Abu Hurayrah mengenai kisah dua orang lelaki dari Bani ʿAmir telah datang menemui ʿAʿishah dan mengatakan bahawa Abu Hurayrah berkata Rasulullah s.a.w bersabda " الطيرة في الفرس والمرأة والدار ". ʿAʿishah mendengar lalu tersinggung dan berkata, "...apa yang telah Abu Hurayrah katakan hanyalah merupakan amalan masyarakat Jahiliah yang suka melakukan amalan bertenung nasib dari tiga hal tersebut". Ibn Hajar menjelaskan bahawa kritikan ʿAʿishah ke atas Abu Hurayrah tidak bermaksud mengingkari riwayat Abu Hurayrah sebaliknya menerangkan bahawa *iʿtiqad* atau kepercayaan yang berlaku dalam masyarakat Jahiliah. (Ibn Hajar:1958)

Berdasarkan keterangan ʿAʿishah, hadis di atas tidak bertujuan untuk mendiskriminasikan wanita atau menjatuhkan martabat mereka. Pernyataan Abu Hurayrah berkenaan hadis di atas adalah untuk menunjukkan amalan praktik masyarakat Jahiliyah yang suka bertenung nasib dengan menggunakan kuda, wanita dan rumah. Kebiasaannya ketika mereka bertenung nasib dengan menggunakan tiga hal di atas mereka sering ditimpa sial sehingga ianya menjadi suatu kepercayaan dalam kehidupan mereka. Justeru hadis di atas tidak boleh difahami secara tekstual tanpa mengupas penerangan ulama ke atas *matn* tersebut dan dengan melihat kepada *sabab wurud al-hadis* secara berhati-hati.

Penutup

Berdasarkan sejarah, ketokohan Umm al-Mukminin Aishah r.a dalam ilmu kritik hadis telah memberikan sumbangan yang amat besar dalam pembinaan ilmu kritik hadis. Ilmu kritik hadis perlu dipelajari oleh umat Islam agar dapat memberikan pandangan pengimbang terhadap kritikan yang dibimbangi tidak seimbang.

Penelitian feminis seperti Mernissi terhadap hadis dilakukan secara berperingkat melalui metode yang moden dan sangat teliti. Namun harus diakui bahawa meskipun penelitian beliau mendalam ia tidak bermaksud kajiannya tidak sunyi dari kesilapan.

Melalui analisa yang dilakukan contoh-contoh kritikan Mernissi terhadap hadis-hadis Nabi ini masih terbuka kepada ruang penilaian semula. Mernissi menjadikan metode *double investigation* iaitu kajian terhadap sanad dan matan sewaktu mengkaji suatu ḥadīth. Ironinya, Mernissi jelas tidak mengaplikasikan metode tersebut dan tidak menguasai ilmu ḥadīs berkaitan *riwāyah* dan *dirāyah*. Pengabaian metode tersebut terbukti dalam kajian kritik Mernissi apabila berlaku pemanipulasian sebahagian fakta sejarah, pemotongan pendapat para ulama, kesilapan menisbahkan sanad hadis serta perletakan sumber asli ḥadīs.

Mernissi turut tidak menggunakan metode ulama ḥadīth melalui kajian *sanad* dan analisa *matn*, *al-takhrīj*, *al-tarjīh*, *al-tawfīq*, *al-jamʿ*, perbandingan ḥadīth dengan nas al-Qurʿan dan disiplin-disiplin lain. Karya, pandangan dan metode warisan bernilai ulama terbilang sewajarnya dijadikan garis panduan bagi menghasilkan suatu kajian kritik yang menepati neraca ilmiah dan diakui oleh semua umat Islam. Perjuangan para ilmuwan islam memperbaiki dan mengislah masyarakat manusia sekaligus dapat menyemai budaya kritis di kalangan menolak amalan taklid buta dan pergantungan masyarakat terhadap penyelesaian masalah keagamaan dan hubungan sosiologis komuniti muslim berdasarkan pendekatan barat serta yang bertentangan dengan wawasan keislaman.

Rujukan

- Abu Dawud, Sulaiman ibn al-Ash[°]as ,al-Sijistānī. T.th. *Sunan Abī Dawūd*. Dār al-Fikr.
- Ahmad ibn Hanbal al-Shaybanī,. 1990M. *Musnad Ahmad*, Misr: Muassasah Qurṭubah.
- Al-Albānī, Muhammad Nāsir al-Dīn. 2002. *al-Silsilah al-ṣaḥīḥah*. Riyādh: Maktabah al-Ma[°]arif.
- Al-Bukhārī, Abū [°]Abdullah Muhammad bin Isma[°]il al-Ju[°]fi. 1981M. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār al-Fikr: al-Matba[°]ah al-Nishr.
- al-Ḥākim, Muhammad bin [°]Abdullah al-Naisabūrī, 1990M. *al-Mustadrak [°]ala al-ṣaḥīḥain*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-[°]Ilmiyyah.
- Fatima Mernissi. 1991M. *Women and Islam: An Historical And Theological Enquiry*. trans. Mary Jo Lakeland, UK: Basil Blackwell.
- Fatima Mernissi. 1999. *Teras terlarang*, ptrj. Ahmad Baiquni, Bandung: Mizan.
- Ibn Abi Hatim, [°]Abd al-Rahman bin Abi Hatim al-Razi. t.th. *al-Marasil*, , t.pt
- Ibn Hajar, Ahmad ibn [°]Ali Al-[°]Asqalānī. 1958M. *Fatḥ al-Bāri*, Bayrūt: Dār al-Ma[°]rifah.
- Ibn Hibban, Muhammad al-Bustī. 1993M. *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. cet. 2. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwīnī. T.th. *Sunan Ibn Mājah*. Bayrūt: Dār al-Fikr al-Qushairī.
- Malik bin Anas al-Ashba[°]i, *Muwatta'*, t,th, Misr: Dar Ihya' al-Turath al-[°]Arabi.
- Mansour Fakhri (et al). 1996M. *Membincang feminisme: diskursus gender perspektif islam*. cet.1. Surabaya: Risalah Gusti.
- Mansour Fakhri (et al). 1996M. *Posisi kaum wanita dalam Islam : tinjauan dari analisis gender, dalam analisis gender dan transformasi sosial*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Mohd Baltaji, 2003. *Makanah al-mar'ah fi al-qur'an al-karim wa al-sunnah al-sahihah*, Kaherah : Maktabat al-shabab.
- Muhammad bin [°]Abd al-Baqī. 1990M. *Sharh al-Zarqānī*. cet.1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-[°]Ilmiyyah.
- Al-Nasā'ī, Ahmad bin Shu[°]aib. T.th. *Sunan al-Nasā'ī*. Halb: Maktabah al-Mathbu[°]ah al-Islāmiyyah.
- Al-Tirmidhī, Abu [°]Isa Muhammad bin Isa. T.th. *Sunan al-Tirmidhī*, Bayrūt: Dār Ihya' al-Turath al-[°]Arabi.
- Tamyiz Burhanuddin. 2003M. *Fatima Mernissi: menggugat ketidakadilan gender*. dalam *Pemikiran Islam Kontemporer*. Yogyakarta: Jendela.
- Wilaela. Dis. 2005M. *Wanita-wanita haremku: telaah pengalaman wanita oleh wanita dengan pendekatan sejarah peradaban islam*, Jurnal Wanita Agama dan Gender Marwah. Vol IV. no.8. Riau: Pusat Studi Wanita UIN Sultan Syarif Kasim.
- Yayasan Majelis al-Turāth al-Islāmī. *Majalah fatwa*. Ogos 2006M. vol II / No.10. Pustaka al-Turāth. hlm. 10-11.

Internet

- [°]Abd al-Rahman al-Suhaym, *Tawliyah al-mar'ah li al-manasib*, atas talian <http://www.saaaid.net/Doat/assuhaim/n/6.htm> , 15/8/1425H.